PRODUCT DISCLOSURE SHEET

Dear Customer,
This Product Disclosure Sheet (PDS) provides you with some key information on your Commodity Murabahah-based Current Account-i
Other customers have read this PDS and found it helpful; you should read it too.

Effective Date:

1 What is Commodity Murabahah-based Current Account-i?

Commodity Murabahah-based Current Account-i (CMCA-i) is a deposit product based on Shariah contract of *Commodity Murabahah*.

The following deposit products are categorised under CMCA-i:

i. Current Account-i
ii. Basic Current Account-i
iii. AmStar Current Account-i

The Shariah contract applicable is Commodity *Murabahah* via *Tawarruq* arrangement. *Tawarruq* means an arrangement that involves two sale and purchase contracts.

To facilitate *Tawarruq* arrangement, you appoint the Bank as your agent (under *wakalah*/agency contract) to purchase Shariah-compliant Commodity from any third party and thereupon to sell the Commodity to the Bank. The Bank acting as your agent, will purchase the Commodity on your behalf (upon receipt of deposited monies) at purchase price equivalent to Net Incremental. The Bank will thereafter on its own capacity, purchase the Commodity from you at selling price based on *Murabahah* (cost plus profit) comprising purchase price and ceiling profit which shall be paid to you periodically or upon maturity. The Bank may thereafter sell the Commodity to a third party.

The sale and purchase contracts in the Tawarruq arrangement will be executed upon initial placement of deposit, when there is any Net Incremental of deposit and during deposit renewal upon end of tenure.

The type of asset used in this product is Shariah-compliant commodity, not limited to, crude palm oil, oleo chemicals, rubber, cocoa and soya products or such other acceptable commodities (excluding ribawi items in the category of medium of exchange such as currency, gold and silver)

These deposit products are protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) up to RM 250,000 for each depositor.

2 Know Your Rights and Obligations

Illustration of Profit Computation

- The Tawarruq transaction will be performed by the Bank at Ceiling Profit Rate (CPR) and you will earn profit at Effective Profit Rate (EPR).
- You are deemed to grant a Ibra' (rebate) to the Bank on the selling price based on the difference between CPR and EPR.
- Actual Profit = End of Day Balance x EPR x Number of Days/ 365 or 366
- Ceiling Profit = Purchase Price x CPR x Remaining number of days / 365 or 366
- Ibra' (rebate) = CPR - EPR

Illustration:

Account opened	1/10/2025
Purchase Price (Initial/ Net Incremental Deposit)	RM10,000
Effective Profit Rate	0.25% p.a.
Ceiling Profit Rate	4.00% p.a.
Profit Credited	RM2.12
Ceiling Profit	RM100.82
Selling Price (Purchase Price + Ceiling Profit)	RM10,100.82
Ibra'	RM98.70

It is your responsibility to:

read and understand the **key terms** in the **contract** before you sign it.

make sure your account has **sufficient balance** whenever you want to make any transaction with the account.

contact us immediately, if you encounter any problem with your account.

*Note: All calculations and information presented on the table on the left are for illustration purpose only. Please refer to https://www.ambank.com.my/rates-fees-charges for latest rates.

You also have to pay the following fees and charges:

Fees and Charges	Amount	Product
Account Closure (within 3 months of opening)	RM20.00	- Current Account-i - Basic Current Account-i - AmStar Current Account-i
Dormant Account Annual fee	RM10.00	- Current Account-i - Basic Current Account-i - AmStar Current Account-i

Cheque book (Exempted for government bodies, schools and co-op societies)	RM1.00 stamp duty per cheque leaf	- Current Account-i - Basic Current Account-i - AmStar Current Account-i
Cheque processing fee	RM0.50 per transaction	- Current Account-i - Basic Current Account-i
Charges on overdrawn account (Due to insufficient fund and covered before the cut-off time for returned cheque)	RM25.00 per cheque	- Current Account-i - Basic Current Account-i
Returned cheque (Insufficient balance)	RM100.00	- Current Account-i - Basic Current Account-i - AmStar Current Account-i
Sweep Facility (Per successful transaction)	RM2.00	- Current Account-i - Basic Current Account-i - AmStar Current Account-i
Stop payment instruction	RM10.00	- Current Account-i - Basic Current Account-i - AmStar Current Account-i
Uncollected cheque book (Cheque book uncollected after 30 days of cheque book issuance)	RM30.00 per cheque book	- Current Account-i - Basic Current Account-i - AmStar Current Account-i

The fees and charges as above are part of the standard fees and charges for all current accounts. For details of fees and charges for each respective current account product, kindly refer to https://www.ambank.com.my/rates-fees-charges

3 Know Your Risks

You may experience the typical risks associated with conducting a deposit transaction or when utilising the ATM with any banking institution. If you need assistance due to any materialised risks, please refer to the contact details below.

4 Other Key Terms

Product	Initial Deposit	Min. Balance in Account	Eligibility and Key Features
Basic Current Account-i	RM20	Nil	▪ Individuals, Sole proprietor and Small Medium Enterprise (SME) ▪ Current accounts that are easy to use and offer everyday banking convenience.
Current Account-i	RM500	Nil	▪ Government and Government related body only, Individuals and Non-individual (corporations) ▪ Demand deposit account with cheque-writing facility (optional). ▪ No minimum balance required.
AmStar Current Account-i	RM1,000	Nil	▪ Individuals with AmBank Signature Priority Banking (AmSPB) membership. ▪ Competitive multi-tier effective profit rate.

- You agree to provide rebate on the Selling Price to the Bank in any of the following event:
  i. Withdrawal of the funds prior to the Maturity Date; or
  ii. Upon termination or account closure prior to Maturity Date; or
  iii. If there is a difference between CPR and EPR at Maturity Date, including in the event where no profit is given.

- You are required to inform the Bank of any changes to your contact details to ensure that all correspondence reaches you in a timely manner. For assistance, you can:
  i. Contact our Contact Centre at: +603-2178 8888 (Monday to Sunday, 7am to 11pm); or
  ii. Visit the nearest AmBank Islamic/AmBank branch; or
  iii. Visit the Customer Management Unit on Level 3, AmBank Tower, No. 8 Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur.

If you have any questions or require assistance on our product, you can:

Call us at
+603 2178 8888

Visit us at
www.ambankgroup.com

Email us at
customercare@ambankgroup.com

The information provided in this product disclosure sheet is valid from 1 January 2026 until the next update. Kindly visit ambank.com.my for the latest information.

LEMBARAN PENYATAAN PRODUK

Pelanggan yang Dihargai,
Lembaran Penyataan Produk ("PDS") ini menyediakan maklumat penting mengenai Akaun Semasa-i berasaskan Komoditi Murabahah anda.
Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

Tarikh Kuat Kuasa:

1 Apakah itu Akaun Semasa-i berasaskan Komoditi Murabahah?

Akaun Semasa-i berasaskan Komoditi Murabahah (CMCA-i) ialah produk deposit berasaskan kontrak Syariah Komoditi Murabahah. Produk ini menawarkan Pelanggan dengan pulangan keuntungan.

Produk deposit berikut dikategorikan di bawah CMCA-i:

i. Akaun Semasa-i
ii. Akaun Semasa-i Asas
iii. Akaun Semasa-i AmStar.

Kontrak Syariah yang diguna pakai adalah Komoditi *Murabahah* melalui aturan *Tawarruq*. *Tawarruq* bermaksud aturan yang melibatkan dua kontrak jual beli.

Untuk memudahkan aturan *Tawarruq*, anda melantik Bank sebagai ejen anda (di bawah kontrak *wakalah*/agensi) untuk membeli komoditi patuh Syariah daripada mana-mana pihak ketiga dan sesudah itu menjual komoditi tersebut kepada Bank. Bank bertindak sebagai ejen, akan membeli Komoditi bagi pihak anda setelah menerima wang bagi harga belian yang bersamaan dengan Penambahan Bersih. Selepas itu, Bank, atas kapasitinya sendiri membeli Komoditi tersebut daripada anda pada harga jualan berasaskan *Murabahah* (kos campur keuntungan) yang terdiri daripada harga belian dan keuntungan bumbung yang akan dibayar kepada anda secara berkala atau apabila matang. Selepas itu, Bank boleh menjual komoditi tersebut kepada pihak ketiga.

Kontrak jualan dan pembelian dalam aturan *Tawarruq* akan dilaksanakan semasa penempatan permulaan deposit, apabila terdapat Penambahan Bersih deposit dan semasa pembaharuan deposit pada akhir tempoh.

Jenis aset yang digunakan dalam produk ini adalah komoditi patuh Syariah yang termasuk, tetapi tidak terhad kepada, minyak sawit mentah, kimia oleo, getah, koko dan produk soya atau komoditi lain yang diterima (kecuali barangan ribawi di dalam kategori alat pertukaran seperti matawang, emas dan perak).

Produk deposit ini dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) setakat RM 250,000 untuk setiap pendeposit.

2 Ketahui Hak dan Tanggungjawab Anda

Ilustrasi Pengiraan Keuntungan

- Transaksi *Tawarruq* akan dilakukan oleh Bank pada Kadar Keuntungan Bumbung (KKU) dan anda akan memperoleh keuntungan pada Kadar Keuntungan Berkesan (KKB).
- Anda dianggap memberikan Ibra' (rebat) kepada Bank pada harga jualan berdasarkan perbezaan antara KKU dan KKB.
- Keuntungan Yang Dikreditkan = Baki Hari Akhir x KKB x Bilangan Hari / 365 or 366
- Keuntungan Bumbung = Harga Belian x KKU x bilangan baki hari bagi tahun /365 atau 366
- Ibra' (rebat) = KKU - KKB

Ilustrasi:

Akaun dibuka	1/10/2025
Harga Belian (Deposit Awal/ Penambahan Bersih)	RM10,000
Kadar Keuntungan Berkesan	0.25% setahun
Kadar Keuntungan Bumbung	4.00% setahun
Keuntungan Yang Dikreditkan	RM2.12
Keuntungan Bumbung	RM100.82
Harga Jualan (Harga Belian + Keuntungan Bumbung)	RM10,100.82
Ibra'	RM98.70

Anda bertanggungjawab untuk:

membaca dan memahami **terma utama** dalam **kontrak** sebelum anda menandatanganinya

memastikan akaun anda mempunyai baki yang mencukupi apabila ingin membuat sebarang transaksi dengan akaun tersebut.

segera menghubungi kami jika anda menghadapi sebarang masalah dengan akaun anda.

*Nota: Semua pengiraan dan maklumat dipaparkan dalam jadual di sebelah kiri adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Sila rujuk melalui https://www.ambank.com.my/rates-fees-charges untuk kadar terkin

Anda perlu membayar yuran dan caj berikut:

Yuran dan Caj	Amaun	Produk
Penutupan Akaun (dalam tempoh masa 3 bulan selepas dibuka)	RM20.00	- Akaun Semasa-i - Akaun Semasa-i Asas - Akaun Semasa-i AmStar

Yuran Tahunan Akaun Dorman	RM10.00	- Akaun Semasa-i - Akaun Semasa-i Asas - Akaun Semasa-i AmStar
Buku Cek (Dikecualikan untuk badan kerajaan, sekolah dan persatuan koperasi)	RM1.00 duti stem setiap helaian cek	- Akaun Semasa-i - Akaun Semasa-i Asas - Akaun Semasa-i AmStar
Yuran Prosesan Cek	RM0.50 setiap transaksi	- Akaun Semasa-i - Akaun Semasa-i Asas
Caj ke atas akaun terlebih keluar (Disebabkan oleh dana yang tidak mencukupi dan dilindungi sebelum tempoh akhir untuk cek yang dipulangkan)	RM25.00 setiap cek	- Akaun Semasa-i - Akaun Semasa-i Asas
Cek yang dipulangkan (Baki tidak mencukupi)	RM100.00	- Akaun Semasa-i - Akaun Semasa-i Asas - Akaun Semasa-i AmStar
Kemudahan Sweep (Setiap transaksi yang berjaya)	RM2.00	- Akaun Semasa-i - Akaun Semasa-i Asas - Akaun Semasa-i AmStar
Arahan hentikan pembayaran	RM10.00	- Akaun Semasa-i - Akaun Semasa-i Asas - Akaun Semasa-i AmStar
Buku cek yang tidak dikutip (Buku cek tidak dikutip selepas 30 hari buku cek dikeluarkan)	RM30.00 setiap buku cek	- Akaun Semasa-i - Akaun Semasa-i Asas - Akaun Semasa-i AmStar

Yuran dan caj yang dinyatakan di atas adalah yuran dan caj standard bagi semua produk akaun semasa. Untuk maklumat lanjut mengenai yuran dan caj, bagi setiap produk akaun semasa, sila rujuk melalui https://www.ambank.com.my/rates-fees-charges

3 Ketahui Risiko Anda

Anda boleh mengalami risiko biasa yang berkaitan dengan pelaksanaan transaksi deposit, pengeluaran cek atau bila menggunakan ATM dengan mana-mana institusi perbankan. Sekiranya anda memerlukan bantuan yang disebabkan oleh sebarang risiko nyata, sila rujuk pada maklumat di bawah.

4 Terma Utama Lain

Produk	Deposit Permulaan	Baki Minimum dalam Akaun	Kelayakan dan Ciri-ciri Utama
Akaun Semasa-i Asas	RM20	Tiada	▪ Individu, Pemilik tunggal dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) ▪ Akaun semasa yang mudah digunakan dan menawarkan kemudahan perbankan harian.
Akaun Semasa-i	RM500	Tiada	▪ Kerajaan dan badan berkaitan Kerajaan Sahaja, Individu dan Bukan individu (syarikat) ▪ Akaun deposit tunai dengan kemudahan cek (pilihan). ▪ Tiada baki minimum diperlukan
Akaun Semasa-i AmStar	RM1,000	Tiada	▪ Individu dengan keahlian AmBank Signature Priority Banking (AmSPB) ▪ Kadar keuntungan efektif pelbagai peringkat yang kompetitif

- Anda bersetuju memberi rebat ke atas Harga Jualan kepada Bank dalam mana-mana keadaan berikut:
  i. Pengeluaran dana sebelum Tarikh Matang; atau
  ii. Selepas penamatan atau penutupan akaun sebelum Tarikh Matang; atau
  iii. Jika terdapat perbezaan antara KKU dan KKB pada Tarikh Matang, termasuk jika tiada keuntungan diberikan.
- Anda perlu memaklumkan kepada Bank tentang sebarang perubahan maklumat untuk menghubungi anda bagi memastikan segala urusan surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Untuk bantuan, anda boleh:
  i. Menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan AmBank melalui: +603-2178 8888 (Isnin hingga Ahad, 7 pagi hingga 11 malam); atau
  ii. Kunjungi cawangan AmBank Islamic/AmBank yang berhampiran; atau
  iii. Kunjungi Unit Pengurusan Pelanggan di Tingkat 3, Menara AmBank, No. 8 Jalan Yap Kwan Seng 50450 Kuala Lumpur.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai produk kami, anda boleh:

Hubungi Kami di
+603 2178 8888

Layari kami di
www.ambankgroup.com

E-mel kami melalui
customercare@ambankgroup.com

Maklumat yang disediakan di dalam lembaran penyataan produk ini adalah sah dari 1 Januari 2026 sehingga kemas kini seterusnya. Sila layari ambank.com.my untuk maklumat terkini.